

SOALAN NO. 47

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH [SUBANG]

TARIKH : 22 NOVEMBER 2017

SOALAN :

YB Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah [Subang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan sedia bekerjasama dengan Ahli Parlimen dari Pakatan Harapan supaya dapat majoriti dua pertiga untuk usaha meminda Perkara 12, Perlembagaan Persekutuan supaya mana-mana satu ibu atau bapa dalam pasangan berkahwin yang beragama bukan Islam tidak boleh menukar agama anak bawah umur mereka tanpa persetujuan pasangannya.

10

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penetapan agama seseorang yang berumur di bawah lapan belas tahun untuk tujuan ajaran sesuatu agama atau pengambilan bahagian dalam apa-apa upacara sesuatu agama diperuntukkan di bawah Fasal (3) dan (4) Perkara 12 Perlembagaan Persekutuan seperti yang berikut:

“Hak berkenaan dengan pendidikan

...

12. (3) Tiada seorang pun boleh dikehendaki menerima ajaran sesuatu agama atau mengambil bahagian dalam apa-apa upacara atau upacara sembahyang sesuatu agama, selain agamanya sendiri.

(4) Bagi maksud Fasal (3) agama seseorang yang di bawah umur lapan belas tahun hendaklah ditetapkan oleh ibu atau bapanya atau penjaganya.”

Fasal (4) Perkara 12 Perlembagaan Persekutuan yang dibaca bersama Fasal (3) tersebut memperuntukkan bahawa agama seseorang yang di bawah umur lapan belas tahun hendaklah ditetapkan oleh ibu atau bapanya atau penjaganya.

Diperhatikan bahawa penetapan agama seseorang yang di bawah umur lapan belas tahun oleh “ibu atau bapa” (“*parent*”) telah menjadi isu dalam

beberapa kes terutamanya kes yang berkaitan dengan penukaran agama salah seorang daripada ibu atau bapanya.

Mahkamah Persekutuan dalam kes ***Subashini a/p Rajasingam v Saravanan a/l Thangathony and other appeals*** [2008] 2 MLJ 147 telah sebulat suara memutuskan bahawa perkataan “parent” di bawah Fasal (4) Perkara 12 Perlembagaan Persekutuan adalah bermaksud “a single parent”. Ini bermaksud salah seorang (ibu atau bapa) mempunyai hak untuk menukar agama anak di bawah perkahwinan pasangan tersebut. Mahkamah Persekutuan memutuskan yang berikut:

“In all the circumstances, we are of the view that in the wider interests of the nation, no infant shall have the automatic right to receive instructions relating to any other religion than his own without the permission of the parent or guardian.”

Oleh itu, berdasarkan tafsiran yang diberikan oleh Mahkamah, Fasal (4) Perkara 12 Perlembagaan Persekutuan membenarkan *unilateral conversion* yang salah seorang daripada ibu atau bapa boleh menukar agama anak yang berumur di bawah lapan belas tahun pasangan tersebut.

Berdasarkan penjelasan di atas, sebarang pindaan kepada Fasal (4) Perkara 12 Perlembagaan Persekutuan perlu dikaji secara teliti sebelum apa-apa keputusan dasar berkaitan perkara ini dapat dibuat oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.